

Penglibatan Kesatuan Melayu Singapura dalam Politik dan Pilihan Raya di Singapura, 1926-1959

The Involvement of the Singapore Malay Union in Politics and Elections in Singapore, 1926-1959

MUHAMMAD NAIM FAKHIRIN

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan perkembangan nasionalisme di Singapura pada awal 1920-an dengan memberi tumpuan terhadap persatuan yang berpengaruh iaitu Kesatuan Melayu Singapura (KMS). Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan, KMS merupakan persatuan masyarakat Melayu pertama di Singapura dan menjadi signifikasi penting terhadap perkembangan nasionalisme di negara itu. Dalam tempoh 1930-an hingga 1940-an, KMS memainkan peranan dalam usaha menyedarkan masyarakat Melayu untuk terlibat dalam politik dan ekonomi di Singapura. Manakala pada 1950-an, KMS mula terlibat secara langsung dalam politik Singapura apabila menyertai pilihan raya yang diadakan. Kajian ini ditulis dengan menggunakan sumber primer dari National Archive, Kew dan National Archive Singapore sebagai sumber utama penulisan. Selain itu, penulisan turut menggunakan akhbar *The Straits Times*, *Berita Harian* dan *Utusan Melayu* yang diterbitkan dalam tempoh tersebut bagi mendapatkan kesinambungan dengan dokumen sumber primer itu. Dapatan kajian ini membincangkan penglibatan KMS dalam politik Singapura berdasarkan pencapaian parti itu dalam dua pilihan raya yang disertai iaitu Pilihan Raya Umum 1955 dan Pilihan Raya Umum 1959. Selain itu, dapatan kajian turut membincangkan faktor kegagalan KMS dalam arena politik di Singapura melibatkan dua perkara utama iaitu kegagalan bersaing dengan UMNO dan PAP serta isu yang diperjuangkan tidak relevan dengan situasi semasa.

Kata kunci: Nasionalisme; Politik Melayu; Singapura; Persatuan; Demokrasi

ABSTRACT

This study discusses the development of nationalism in Singapore in the early 1920s by focusing on the influential association, the Kesatuan Melayu Singapura (KMS). Based on the study conducted, KMS was the first Malay community association in Singapore and became an important signifier of the development of nationalism in the country. During the 1930s to 1940s, KMS played a role in efforts to awaken the Malay community to be involved in politics and the economy in Singapore. Meanwhile, in the 1950s, KMS began to be directly involved in Singapore politics when it participated in the elections held. This study was written using primary sources from the National Archive, Kew and National Archive Singapore as the main sources of writing. In addition, the writing also used *The Straits Times*, *Berita Harian* and *Utusan Melayu* newspapers published during that period to obtain continuity with the primary source documents. The findings of this study discuss the involvement of KMS in Singapore politics based on the party's achievements in the two elections it participated in, namely the 1955 General Election and the 1959 General Election. In addition, the findings of the study also discuss the factors behind the failure of KMS in the political arena in Singapore involving two main things, namely the failure to compete with UMNO and PAP and the issues it fought for being irrelevant to the current situation.

Keywords: Nasionalism; Malays Politic; Singapore; Union; Democracy

PENGENALAN

Definisi nasionalisme memberi makna yang besar terhadap perjuangan gerakan atau persatuan terhadap politik sesebuah negara. Oleh itu, perkembangan nasionalisme ini seterusnya membawa perubahan terhadap struktur sosial masyarakat tempatan berdasarkan kepada tindakan dan penglibatan

terhadap gerakan yang dilakukan (Roff 1974). Berdasarkan kepada takrifan nasionalisme tersebut, penglibatan atau kesedaran masyarakat Melayu tempatan terhadap politik di Singapura semakin meningkat selepas berlakunya Perang Dunia Pertama (Naoki 2020). Dalam tempoh peperangan tersebut berlaku, negara Islam, terutamanya Turki Uthmaniah diancam oleh kuasa Barat seperti British, Perancis

dan Rusia. Oleh kerana Turki Uthmaniah merupakan pengaruh utama terhadap masyarakat Islam di Asia Tenggara, maka keadaan yang melibatkan Turki pada 1914-1918 diberi perhatian oleh masyarakat tempatan di Tanah Melayu (Naoki 2020).

Justeru, dalam tempoh berlakunya Perang Dunia Pertama (1914-1918), Turki Uthmaniah mengeluarkan pelbagai dekri terutamanya melibatkan semangat jihad memerangi kafir dan penguasaan ekonomi untuk umat Islam (Keng 2002). Namun begitu, tempoh itu juga melibatkan semangat Pan-Arabisme tersebar di seluruh Asia Barat. Pan-Arabisme adalah gerakan untuk menyedarkan masyarakat Arab supaya membebaskan negara dari Turki Uthmaniah dan menubuhkan negara sendiri (Tawfic 2021). Perkara ini secara tidak langsung mempengaruhi masyarakat Melayu, terutamanya dalam kalangan orang agama seperti ulamak dan pelajar yang berada di Timur Tengah. Sekembalinya mereka ke Tanah Melayu dan Singapura, mereka turut membawa pulang budaya itu dan menyebarkan semangat patriotisme tersebut dalam kalangan masyarakat tempatan di Negeri-Negeri Selat kerana mempunyai kesedaran nasionalisme yang tinggi (CO 537/4777).

Situasi yang berlaku ini seterusnya menyebabkan budaya dan semangat nasionalisme ini tersebar di Singapura. Penyebaran ini bertambah cepat setelah berlakunya penindasan berhubung sosioekonomi masyarakat (Rahimi 2020). Sehubungan itu, semangat nasionalisme ini menular di Singapura dan masyarakat Melayu di negara ini mula merasakan keperluan untuk menubuhkan sebuah persatuan khas sebagai tempat untuk masyarakat Melayu melontarkan pandangan dan menyelesaikan permasalahan sejagat (Ahamad Jama' Amin Yang, Mohd Samsudin & Izuan Razali 2016). Atas alasan tersebut, sebuah persatuan baharu ditubuhkan pada 1926 iaitu Kesatuan Melayu Singapura (KMS). Ironinya, persatuan ini menjadi signifikan terhadap perkembangan politik Singapura, terutamanya melibatkan masyarakat Melayu di negara ini.

KAJIAN LITERATUR

Kajian mengenai nasionalisme dan penglibatan kesatuan politik masyarakat Melayu dalam politik tempatan ini telah banyak dibincangkan oleh sarjana terdahulu. Namun begitu, kajian yang dibincangkan adalah berdasarkan kepada konteks umum dan tidak melibatkan perincian yang penting, terutamanya dalam penglibatan pilihan raya yang diadakan.

Misalnya kajian oleh Roff (1974), menyatakan KMS merupakan perintis awal terhadap gerakan nasionalisme di Tanah Melayu dan Singapura. Namun begitu, perbincangan kajian beliau mengenai KMS adalah terlalu umum dan tidak memperincikan penglibatan KMS dalam pilihan raya yang diadakan di Singapura pada 1955 dan 1959. Begitu juga dengan kajian oleh Naoki (2020) hanya membincangkan nasionalisme yang berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu berdasarkan kepada tindakan yang dilakukan oleh beberapa kesatuan awal seperti KMS dan Persatuan Melayu Kebangsaan Bersatu (UMNO - *United Malays National Organization*). Walaupun begitu, kajian ini tidak menghubungkan tindakan yang dilakukan oleh persatuan politik yang disifatkan membawa agenda nasionalisme seperti KMS dalam politik dan pilihan raya tempatan.

Kajian oleh Muhamad Ali (2015) merumuskan nasionalisme masyarakat Melayu bergantung kepada faktor agama Islam. Beliau menyatakan unsur agama telah mempengaruhi nasionalisme masyarakat Melayu pada peringkat awal di Singapura dan Tanah Melayu. Walaupun begitu, kajian yang dilakukan oleh beliau tidak memperincikan tindakan nasionalisme yang dilakukan oleh masyarakat Melayu ini dalam kerangka yang luas, terutamanya terhadap pembabitan dalam politik dan pilihan raya, terutamanya dalam konteks politik Singapura.

Dapatan kajian oleh Khoo Boo Teik (2020) dan Sin Yee Koh (2017) pula sedikit berbeza kerana tafsiran nasionalisme yang dibincangkan adalah berkaitan dengan ekonomi. Kedua-dua kajian ini menyimpulkan gerakan terhadap nasionalisme masyarakat Melayu di Singapura berpunca dari tekanan ekonomi. Kedua-dua kajian ini menyatakan perkembangan ekonomi kolonial di Singapura menyebabkan masyarakat Melayu berasa terpinggir dan diancam, akhirnya memberontak terhadap pentadbiran British. Walaupun begitu, kajian ini tidak membincangkan nasionalisme oleh masyarakat Melayu terhadap politik, terutamanya peranan yang dilakukan oleh KMS terhadap sosioekonomi masyarakat, seterusnya terlibat dalam proses pilihan raya di Singapura.

Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan oleh sarjana terdahulu, hubungan kait antara nasionalisme dan politik masyarakat Melayu ini memerlukan sebuah kajian baharu yang perlu dibuktikan. Justeru itu, kajian yang akan dilakukan ini akan memperlihatkan nasionalisme pada peringkat awal di Singapura dengan membincangkan tindakan yang

dilakukan oleh KMS serta penglibatan persatuan ini terhadap politik dan pilihan raya di Singapura dalam tempoh 1926 hingga 1959.

METODOLOGI

Kajian yang dilakukan berkenaan penglibatan KMS terhadap politik dan pilihan raya di Singapura ini dilakukan menggunakan kaedah kualitatif. Sumber utama yang digunakan dalam perbincangan kajian adalah sumber primer, iaitu dokumen rasmi yang belum diolah meliputi laporan dari jabatan pilihan raya Singapura iaitu *Election Department* (ELD) yang diperoleh daripada Singapore National Archive. Selain itu, kajian ini turut menggunakan sumber dari National Archive, Kew seperti *Colonial Office* (CO) dan *Foreign Office* (FO) bagi mendapatkan kesinambungan dari kajian yang dilakukan. Penggunaan sumber primer tersebut penting sebagai bukti utama yang memperincikan politik di Singapura pada 1950-an. Melalui penggunaan sumber primer tersebut, data yang diperoleh adalah secara langsung dari individu yang terlibat. Misalnya fail FCO 141/14651, *Singapore: Political Trends in Singapore* mengandungi data yang melibatkan laporan British terhadap gerakan pemimpin politik tempatan seperti maklumat dan tempat kempen serta minit mesyuarat pejabat Gabenor. Laporan ini seterusnya diolah dan disesuaikan semula berdasarkan data yang diperoleh dari laporan ELD. Selain itu, kajian ini turut menggunakan akhbar Singapura yang diperoleh dari Singapore National Archive seperti Berita Harian, Utusan Melayu dan *The Straits Times* bagi mendapatkan gambaran sebenar situasi politik yang melibatkan KMS pada 1920-an hingga 1950-an.

PERKEMBANGAN, PERANAN DAN TINDAKAN KMS DI SINGAPURA SEHINGGA 1955

Cadangan penubuhan sebuah persatuan khas untuk orang Melayu ini bermula sejak awal 1920-an. Rancangan menubuhkan persatuan ini mendapat inspirasi dari politik Pulau Jawa, terutamanya pertubuhan politik yang melibatkan agama seperti Sarekat Islam (CO 537/3748). Pertubuhan ini berjaya memainkan peranan bagi menanamkan kebencian terhadap penjajah dan menjaga ekonomi untuk masyarakat tempatan di Pulau Jawa dari ditindas oleh Belanda (Setiawan 2023). Berdasarkan kepada situasi tersebut, masyarakat Melayu di Singapura merasakan perlunya sebuah persatuan khas untuk melindungi mereka.

Cadangan penubuhan sebuah persatuan khas untuk masyarakat Melayu ini mula tercetus setelah Eunus Abdullah dilantik sebagai wakil masyarakat Melayu dalam Majlis Mesyuarat Negeri-Negeri Selat pada 1924. Susulan cadangan itu, Eunus telah mengadakan pertemuan dengan wartawan di Singapura pada 17 Mei 1925. Dalam pertemuan tersebut, beliau menyatakan masyarakat Melayu perlu terlibat secara langsung dalam politik dan ekonomi Singapura bagi mengimbangi peranan yang ditonjolkan oleh masyarakat Arab Peranakan yang mempunyai peranan meluas dalam hal ehwal ekonomi Singapura (FCO 141/16764). Hasil pertemuan tersebut membawa kepada persetujuan untuk menubuhkan sebuah persatuan khas yang bertujuan menjaga kebajikan ekonomi masyarakat Melayu, iaitu Kesatuan Melayu Singapura (KMS), pada 14 Mei 1926. Penubuhan KMS turut dibantu oleh Tengku Kadir Ali dan Embok Suboh (FCO 141/16667).

Penubuhan KMS ini menjadi dimensi baharu terhadap politik masyarakat Melayu di Selangor. Malah penubuhan KMS ini dikatakan sebagai pelopor awal terhadap tindakan mengumpulkan masyarakat Melayu di bawah satu payung untuk tujuan menjaga dan melindungi kebajikan komuniti ini (Turnbull 2009). Selain itu, KMS turut bertindak untuk menyatukan masyarakat Melayu di Singapura dan Tanah Melayu melalui sebuah kesatuan. Perkara ini dapat dilihat usaha yang dilakukan oleh Eunus untuk menubuhkan cawangan KMS di Tanah Melayu. Tindakan ini dilakukan agar tujuan penubuhan KMS iaitu memberi kesedaran kepada masyarakat Melayu tentang pentingnya penglibatan dalam politik negara turut disebar di Tanah Melayu (Turnbull 2009). Rancangan untuk menubuhkan cawangan KMS di Tanah Melayu ini berhasil apabila tindakan ini mendapat sambutan dari masyarakat Melayu di negara ini. Oleh itu pada awal 1930-an, cawangan KMS berjaya ditubuhkan di Selangor, Pahang dan Melaka. Manakala cawangan KMS di Negeri Sembilan ditubuhkan pada 1936 (Teik 2020). Pada peringkat awal, penubuhan cawangan KMS ini mendapat sokongan dan dipelopori masyarakat Melayu yang mendapat pendidikan Inggeris.

Tindakan awal yang dilakukan oleh KMS dalam usaha menyedarkan masyarakat Melayu di Singapura mengenai politik adalah melalui penulisan di akhbar. Oleh itu pada peringkat awal penubuhan, pengerusi KMS, Eunus Abdullah menjemput para wartawan Melayu di Singapura untuk terlibat dalam gerakan ini. Antara akhbar yang menjadi sandaran

untuk menyebarkan kesedaran kepada masyarakat Melayu adalah akhbar *Lembaga Melayu*. Akhbar ini bukan sahaja dijual di Singapura, tetapi turut memiliki pasaran di Tanah Melayu (FCO 24/920). Selain itu, KMS turut bertindak menyebarkan penulisan melalui akhbar bahasa Inggeris iaitu *Malaya Tribune*. Antara isu yang disuarakan dalam kedua-dua akhbar ini adalah mengenai kesedaran masyarakat Melayu terhadap kepentingan terlibat dalam ekonomi antarabangsa di Singapura. Kedua-dua akhbar ini melontarkan pandangan sikap 'hangat-hangat tahi ayam' masyarakat Melayu menyebabkan peluang ekonomi Singapura diambil alih oleh penjajah dan bukan Melayu (CO 953/10/8). Isu ini menjadi perjuangan utama KMS sehingga pendudukan Jepun di Singapura dan Tanah Melayu.

Pasca pendudukan Jepun di Singapura memperlihatkan senario politik tanah air mengalami perubahan, terutamanya untuk perkara yang melibatkan kesedaran bangsa. Keadaan ini berlaku kerana semasa pendudukan Jepun (1942-1945), pentadbiran itu menerapkan semangat cinta akan negara dalam kalangan rakyat. Mereka menyatakan kedatangan British ke Singapura adalah untuk mengaut hasil keuntungan dan membawa pulang semula ke Britain (CO 1071/328). Berdasarkan kepada perkara ini, KMS mula memainkan peranan dengan lebih terperinci bagi menyampaikan kesedaran terhadap masyarakat Melayu di Singapura dan mula terlibat secara aktif terhadap politik tempatan (CO 1071/328). Oleh itu KMS yang ditubuhkan pada peringkat awal menjadi perintis terhadap penubuhan persatuan yang berteraskan masyarakat Melayu yang lain. Misalnya Kesatuan Melayu Muda (KMM) ditubuhkan pada Mei 1937 mendapat pengaruh dari KMS. Namun begitu, perjuangan KMM di Tanah Melayu lebih 'agresif' berbanding KMS kerana mereka lebih terbuka untuk mengkritik pentadbiran British dan juga kegagalan peranan Sultan dalam membela masyarakat Melayu dari aspek ekonomi (FCO 141/15628).

Pada awal 1950-an, penglibatan KMS dalam politik Singapura semakin meluas kerana cadangan untuk terlibat dalam pilihan raya yang diadakan di negara ini. Walaupun begitu, KMS tidak menyertai pilihan raya yang diadakan pada 1948 dan 1951 kerana memberi tumpuan terhadap peranan melalui akhbar (FCO 141/15632). Penglibatan KMS dalam pilihan raya di Singapura bermula pada 1955. Usaha ini dimulakan dengan kerjasama politik yang dilakukan dengan parti-parti baharu yang ditubuhkan dalam tempoh tersebut. Antara parti yang mendapat

kerjasama dengan KMS adalah seperti Parti Buruh Demokratik dan Parti Sosialis Singapura (Teik 2020). Kerjasama dengan parti-parti ini menjadi tanda aras baharu terhadap tindakan yang dilakukan oleh KMS, terutamanya dalam politik Singapura dalam tempoh 1950-an.

PENGLIBATAN DAN PRESTASI KMS PADA PILIHAN RAYA UMUM 1955 DI SINGAPURA

Politik di Singapura memasuki fasa baharu setelah berlakunya perubahan terhadap sistem pilihan raya negara ini. Pada 1953, pentadbiran British bersetuju untuk meningkatkan jumlah kerusi yang dipertandingkan dari sembilan kerusi yang dipertandingkan pada Pilihan Raya Umum 1951 kepada 25 kerusi yang dipertandingkan pada PRU 1955 (CO 1030/81). Tindakan yang dilakukan ini selaras dengan tuntutan parti politik yang bertanding agar semua kawasan di Singapura mempunyai wakil rakyat. Presiden Parti Progresif, Tan Chye Cheng mencadangkan kepada pentadbiran British agar semua kawasan di Singapura agar mempunyai wakil rakyat bagi memastikan suara mereka boleh dibawa ke dalam dewan (CO 1030/81). Oleh itu pada PRU 1955 ini, jumlah kerusi yang dipertandingkan ditambah kepada 25 kerusi kerana melibatkan seluruh kawasan di Singapura.

Justeru, kerusi baharu yang digazetkan turut melibatkan kerusi majoriti pengundi Melayu. Antara kerusi tersebut ialah Southern Islands, Ulu Bedok dan Sembawang. Pertambahan kerusi majoriti pengundi Melayu ini menyebabkan parti politik yang memperjuangkan masyarakat Melayu mempunyai peluang untuk dilantik sebagai wakil rakyat dalam Majlis Perundangan. Oleh itu pada pilihan raya ini, KMS mengambil bahagian untuk bertanding satu kerusi iaitu Southern Islands. Manakala kerusi majoriti pengundi Melayu yang lain iaitu Ulu Bedok ditandingi oleh UMNO dan Sembawang ditandingi oleh calon BEBAS yang mesra dengan KMS iaitu Ahmad Ibrahim (CO 1030/227).

Berdasarkan kepada pencalonan tersebut, KMS tidak bertanding untuk semua kerusi majoriti pengundi Melayu, tetapi melakukan pakatan politik dengan individu-individu yang bertanding agar setiap calon dari parti Melayu mempunyai wakil dalam Majlis Perundangan. Misalnya untuk persaingan di kerusi Sembawang, KMS menyatakan sokongan penuh terhadap calon BEBAS iaitu Ahmad Ibrahim. Pengerusi KMS, Mohamed Sidik menyatakan Ahmad Ibrahim perlu dipilih sebagai wakil rakyat kerana mempunyai kredibiliti yang

tinggi terhadap kepimpinan di Singapura (*The Straits Times*, 12 Mac 1955). Begitu juga dengan pandangan KMS terhadap calon UMNO, Mohamed Sidik menganggap UMNO perlu menang pada kerusi Ulu Bedok supaya mempunyai ramai wakil masyarakat Melayu yang dilantik sebagai ahli Majlis Perundangan dan mampu untuk membawa suara mereka ke dewan (*The Straits Times*, 12 Mac 1955). Justeru itu, walaupun KMS hanya bertanding satu kerusi, namun pakatan politik yang dilakukan mempunyai impak yang tinggi terhadap politik masyarakat Melayu di Singapura. Perkara ini sekali gus memperlihatkan kerjasama antara parti politik Melayu di Singapura.

Selain itu, tumpuan KMS pada PRU 1955 turut melibatkan calon yang bertanding atas tiket parti itu. Strategi pemilihan calon yang tepat ini penting terhadap parti yang bertanding kerana menentukan kelangsungan politik terhadap parti yang terlibat (Nazri 2014). Sehubungan itu, KMS meletakkan calon yang berpotensi untuk menang dan dikenali dalam kalangan pengundi Melayu di Singapura. Pada PRU 1955 ini, Ahli Jawatankuasa Tertinggi KMS sebulat suara telah mencalonkan Pengerusi, Mohamed Sidik untuk bertanding atas tiket parti itu. Beliau merupakan individu popular dalam kalangan masyarakat Melayu di Singapura kerana penglibatannya sebagai aktivis masyarakat (Tjin 2023). KMS menganggap beliau 'calon boleh menang' berdasarkan kepada pencapaian dan kredibiliti yang ditonjolkannya. Calon yang dipertaruhkan oleh KMS pada pilihan raya ini secara tidak langsung memperlihatkan strategi parti itu mengutamakan calon yang popular dalam kalangan masyarakat Melayu di Singapura.

Pilihan raya ini memperlihatkan KMS menghadapi saingan sengit daripada parti yang bertanding. Persaingan sengit ini menyebabkan setiap calon yang bertanding ini berusaha berkempen dengan lebih cermat bagi mendapatkan sokongan daripada pengundi (Neo & Swati 2021). Begitu juga dengan KMS, calon yang bertanding mengutarakan kempen yang berkesan bagi meraih undi dari rakyat. Antara isu yang diutarakan oleh calon KMS adalah seperti perkara yang melibatkan bangsa Melayu. Perkara ini penting kerana imej KMS sebagai payung untuk masyarakat Melayu Singapura 'berteduh'. Tindakan ini telah dilakukan sejak KMS ditubuhkan pada 1926 (*The Straits Times*, 19 Mac 1955). Justeru itu, terdapat tiga isu utama yang melibatkan masyarakat Melayu di Singapura yang dijadikan sebagai tumpuan kempen oleh KMS iaitu

isu ekonomi, pendidikan dan perkara yang berkait dengan agama Islam.

Calon KMS, Mohamed Sidik menyatakan agihan ekonomi yang berlaku di Singapura memperlihatkan berlakunya ketiada kadilan kerana kedudukan dan pegangan masyarakat Melayu masih lagi terpinggir berbanding kaum lain (Utusan Melayu, 10 Mac 1955). Selain itu, agihan ekonomi untuk orang Islam juga memperlihatkan berlakunya budaya pilih kasih oleh pentadbiran British di Singapura. Tindakan ini berlaku disebabkan oleh pentadbir British lebih mengutamakan orang Arab tempatan berbanding masyarakat Melayu (Utusan Melayu, 10 Mac 1955). Sehubungan itu, Mohamed Sidik menggesa pentadbir British di Singapura membuka lebih banyak peluang ekonomi untuk masyarakat Melayu. Perkara ini disampaikan oleh beliau dalam tempoh kempen yang diadakan di Kampong Gelam. Beliau menyatakan akan melibatkan lebih ramai masyarakat Melayu dalam ekonomi Singapura bagi memastikan komuniti ini tidak ketinggalan (Utusan Melayu, 10 Mac 1955). Perkara ini menunjukkan isu ekonomi terhadap bangsa Melayu ini dijadikan keutamaan dalam kempen sebagai usaha meraih sokongan. Selain itu, isu ekonomi yang diutarakan ini secara tidak langsung memperlihatkan KMS memainkan peranan sebagai pembela bangsa Melayu di Singapura.

Justeru, kempen mengenai ekonomi masyarakat Melayu bukan sahaja dilakukan melalui ceramah atau pertemuan dengan masyarakat, tetapi turut dilakukan melalui penulisan. Calon KMS, Mohamed Sidik telah menulis mengenai ekonomi masyarakat Melayu dalam beberapa akhbar yang mesra KMS seperti iaitu *Malaya Tribune* dan *Utusan Melayu*. Tindakan ini menyasarkan masyarakat Melayu yang mempunyai pendidikan kerana mereka merupakan golongan utama sebagai pembaca akhbar itu (FCO 141/15632). Melalui tindakan ini, KMS berpeluang cerah untuk mendapatkan sokongan dari masyarakat Melayu Singapura yang mempunyai pendidikan sama ada pekerja kerajaan mahupun golongan profesional. Rata-rata pembaca akhbar *Malaya Tribune* dan *Utusan Melayu* ini terdiri daripada golongan profesional dalam kalangan bangsa Melayu di Singapura.

Selain itu, isu yang menjadi tumpuan oleh KMS semasa kempen PRU 1955 ini adalah peluang pendidikan untuk bangsa Melayu. KMS menyatakan pendidikan yang ada di Singapura ini hanya memberi keutamaan terhadap pendidikan aliran Inggeris. British menyatakan pendidikan aliran Melayu

hanya berkonsepkan ilmu agama dan tidak mahu mencampuri urusan tersebut (FCO 141/15107). Perkara ini menyebabkan sistem pendidikan untuk aliran Melayu ketinggalan berbanding sistem pendidikan aliran Inggeris. Untuk rekod, jumlah sekolah aliran Inggeris di Singapura pada 1930-an berjumlah tujuh buah berbanding sekolah aliran Melayu hanya berjumlah dua buah. Jumlah ini kekal sehingga 1950-an (Reports on Education). Berdasarkan kepada perkara ini, KMS memainkan peranan sebagai jurucakap terhadap ketidakadilan dalam sistem pendidikan ini. Calon KMS, Mohamed Sidik menyatakan pendidikan untuk masyarakat Melayu telah lama dipinggirkan oleh pentadbiran British di Singapura. Justeru itu, beliau menggesa pentadbiran British untuk melakukan perubahan terhadap perkara ini (*The Straits Times*, 20 Mac 1955). Berdasarkan kepada perkara ini, Mohamed Sidik menjadikan tempoh kempen PRU 1955 untuk mengulas lanjut mengenai sistem pendidikan di Singapura.

Selain itu, KMS turut menggesa kepada pentadbir British supaya peluang untuk pendidikan tinggi diberikan kepada orang Melayu. Mohamed Sidik menyatakan sehingga 1950-an, pendidikan tinggi hanya dibuka kepada golongan elit Melayu sahaja (*The Straits Times*, 20 Mac 1955). Perkara ini secara tidak langsung membuktikan sistem pendidikan di Singapura tidak memberi manfaat kepada keseluruhan masyarakat Melayu kerana hanya memberi keutamaan terhadap kumpulan tertentu sahaja. Oleh itu perkara ini dijadikan kempen oleh Mohamed Sidik. Beliau menggesa kerajaan supaya melakukan perubahan terhadap pendidikan aliran Melayu supaya setaraf dengan pendidikan aliran Inggeris (*The Straits Times*, 20 Mac 1955). Perkara memperlihatkan isu pendidikan menjadi keutamaan oleh calon KMS, dalam usaha meraih kemenangan pada PRU 1955 ini.

Di samping itu, isu yang menjadi tumpuan oleh KMS pada PRU 1955 ini turut melibatkan perkara berkaitan dengan agama Islam. Isu agama Islam ini merupakan isu yang telah lama diperjuangkan oleh KMS sejak penubuhan kesatuan ini pada hujung 1920-an (Ishak 2022). KMS menyatakan pentadbiran British di Singapura telah mengabaikan pelaksanaan agama Islam terhadap aspek kehidupan masyarakat Melayu di negara ini. Oleh itu pada pilihan raya 1955 ini, calon KMS, Mohamed Sidik mengutarakan semula isu ini sebagai kempen pilihan raya. Beliau menyatakan pentadbiran British di Singapura memperlihatkan agama Islam semakin

dipinggirkan terutamanya setelah kedatangan masyarakat Cina dan India yang ramai di negara ini (*The Straits Times*, 20 Mac 1955). Oleh itu beliau menyatakan sekiranya terpilih sebagai wakil untuk Majlis Perundangan, perkara utama yang akan dilakukan adalah membuat semakan semula dasar Islam di Singapura (*The Straits Times*, 20 Mac 1955). Selain itu, kempen mengenai agama Islam ini turut dilakukan oleh KMS menerusi pendekatan di masjid setiap kampung. Dalam usaha meraih undi, Mohamed Sidik berusaha menonjolkan KMS sebagai satu-satunya wadah perjuangan yang boleh melindungi Islam di Singapura (*The Straits Times*, 20 Mac 1955). Justeru itu, kempen mengenai agama Islam ini diperluaskan terhadap semua pengundi Melayu di kerusi yang ditandingi oleh beliau.

Secara asasnya, isu pendidikan dan agama ini memberi impak yang besar kepada prestasi KMS dalam PRU 1955. Selain kredibiliti dan kepimpinan calon, dua isu yang dibawa ini turut menjadi faktor sampingan yang menentukan keputusan pilihan raya. Sehubungan itu, KMS berusaha menonjolkan parti itu mampu menjaga masyarakat Melayu melalui pendekatan terhadap tiga isu utama ini.

Keputusan PRU 1955 ini memperlihatkan kejutan berlaku dalam arena politik Singapura. Akhbar-akhbar Singapura menjangkakan Parti Progresif (PP) yang dipimpin oleh Tan Chye Cheng akan menubuhkan kerajaan negeri yang pertama kerana parti ini mesra dengan dasar British di Singapura. Namun begitu, berlaku perkara yang sebaliknya apabila Barisan Buruh (LF - *Labour Front*) yang dikatakan sebagai parti radikal berjaya menang lebih banyak kerusi berbanding parti lain iaitu sebanyak 10 kerusi. Manakala PP menang empat kerusi dan Parti Demokratik menang dua kerusi (Reports Election 1955). Walaupun begitu, keputusan PRU 1955 ini memperlihatkan pembentukan kerajaan tergantung kerana tiada parti yang mendapat majoriti untuk membentuk kerajaan (Reports Election 1955). Sehubungan itu, LF terpaksa mencari rakan gabungan bagi membentuk kerajaan. Berdasarkan kepada persetujuan yang dicapai, LF akan membentuk kerajaan bersama sokongan daripada UMNO, MCA dan KMS (Reports Election 1955). Calon KMS, Mohamed Sidik, menyatakan keterujaan untuk terlibat dalam pentadbiran kerajaan baharu dan akan menggunakan peluang sebaik mungkin bagi meneruskan agenda membela masyarakat Melayu (*The Straits Times*, 9 April 1955).

Kemenangan KMS ke atas kerusi yang ditandingi pada PRU 1955 ini sudah dijangkakan. Semasa tempoh kempen, akhbar di Singapura telah meramalkan pengundi Melayu akan menyokong KMS kerana perjuangan yang dilakukan oleh parti itu sejak 1930-an untuk bangsa Melayu (Utusan Melayu, 23 Mac 1955). Oleh itu pada PRU 1955 ini, KMS berjaya mencuri tumpuan dengan memenangi satu-satunya kerusi yang ditandingi oleh parti itu, Southern Islands. Persaingan di kerusi ini memperlihatkan, KMS berjaya menang tipis hanya dengan majoriti 28 undi. Calon KMS, Mohamed Sidik memperoleh 1,233 undi manakala pesaingnya dari PP, James Caldera Kulasingha memperoleh 1,205 undi (Reports Election 1955). Kemenangan dengan majoriti yang tipis ini membuktikan pengundi Melayu memberi sokongan yang solid kepada KMS. Calon PP pula menguasai sokongan daripada pengundi Cina dan India (Reports Election 1955).

Faktor utama yang menyebabkan kemenangan KMS ini adalah disebabkan adanya kerjasama politik yang dilakukan dengan parti-parti Melayu yang lain. Pada peringkat awal penamaan calon, KMS telah mengumumkan untuk bekerjasama dengan UMNO. Pengerusi KMS, Mohamed Sidik menyatakan kerjasama politik ini bertujuan untuk memaksimumkan sokongan pengundi Melayu. Selain itu, beliau turut menyatakan kerjasama politik yang dilakukan ini bertujuan untuk memastikan sokongan pengundi Melayu tidak berpecah kepada parti lain (*The Straits Times*, 13 Mac 1955). Melalui tindakan ini, masyarakat Melayu di Singapura melihat tindakan KMS ini mencerahkan peluang untuk menang, sekali gus mengangkat suara wakil masyarakat Melayu ke Majlis Perundangan (Reports Election 1955). Oleh itu pada PRU ini, KMS berjaya menang satu kerusi, sekali gus membolehkan KMS mempunyai wakil dalam Majlis Perundangan.

PENGLIBATAN DAN PRESTASI KMS DALAM PILIHAN RAYA UMUM 1959 DI SINGAPURA

Pada Pilihan Raya Umum 1959 (PRU 1959) ini, pentadbiran British di Singapura melakukan rombakan secara besar-besaran ekoran dari tindakan berkerajaan sendiri di Singapura dilaksanakan oleh mereka (Muhammad Naim 2025). Perubahan tersebut merangkumi sistem pilihan raya di Singapura iaitu pertambahan kerusi. Jumlah kerusi yang dipertandingkan meningkat dari 25 kerusi pada PRU 1955 kepada 51 kerusi pada PRU 1959 (Muhammad Naim 2025). Selain itu, fungsi Majlis Perundangan turut diperluaskan dan dikenali

dengan nama Dewan Perundangan. Untuk bahagian eksekutif pula, Ketua Pentadbiran dikenali dengan gelaran Perdana Menteri bagi menggantikan kedudukan yang sama sebelum ini dikenali dengan Ketua Menteri (Muhammad Naim 2025). Perubahan yang dilakukan ini selaras dengan dasar British untuk melaksanakan sistem berkerajaan sendiri di Singapura dan melakukan perubahan status negara ini dari 'Jajahan Mahkota' kepada status 'negara' (Muhammad Naim 2025). Perubahan politik yang berlaku di Singapura ini secara tidak langsung menjadikan situasi politik negara semakin dinamik dan persaingan yang berlaku antara parti semakin sengit.

Walaupun begitu, situasi berbeza berlaku dalam gerakan politik KMS pada PRU 1959 ini. Perkembangan politik KMS memperlihatkan parti itu bertanding secara sendiri tanpa gabungan dengan mana-mana pihak. Perkara ini berlaku rentetan dari Pilihan Raya Kecil Cainhill 1957 (PRK 1957). Pada PRK 1957 ini, KMS selaku gabungan dengan Perikatan Singapura telah melanggar syarat gabungan iaitu tidak bertanding pada PRK 1957 ini. Syarat ini dibuat supaya KMS tidak meletakkan calon pada PRK 1957 ini untuk mengelakkan berlakunya perpecahan undi (Muhammad Naim 2025). Namun KMS tetap meletakkan calon dan bertanding pada PRK 1957 ini. Ekoran dari tindakan tersebut, berlaku persaingan tiga penjuror dan perpecahan undi berlaku dengan ketara (Report by-election 1957). Kesempatan ini diambil oleh calon Parti Sosialis Liberal, Soh Ghee Soon untuk menang dengan selesa iaitu 1,061 undi (Report by-election 1957). Selepas digugurkan dari Perikatan Singapura, KMS seterusnya berunding dengan PAS dan Parti Rakyat untuk membentuk gabungan politik baharu, namun rundingan tersebut gagal (FCO 141/14651). Situasi ini sekali gus menyebabkan KMS bertanding secara sendirian tanpa pakatan dengan parti lain pada PRU 1959.

Selain itu, situasi getir turut melanda KMS menjelang PRU 1959 apabila berlakunya perpecahan dalaman yang serius dalam parti itu. Pada 1956, Ahli Majlis Perundangan dari KMS, Mohamed Sidik bertindak keluar dari KMS dan menyertai UMNO. Keadaan ini menyebabkan KMS kehilangan satu-satunya Ahli Majlis Perundangan mereka (Utusan Melayu, 3 Februari 1956). Tindakan 'menyeberang' ke UMNO ini berlaku akibat dari persaingan pemilihan Presiden KMS yang berlaku pada Oktober 1956. Pada persaingan pemilihan ini, penyandang Presiden, Mohamed Sidik hanya

memperoleh 17 undi dan tewas sebanyak kepada Tengku Ismara Raja yang memperoleh 26 (Utusan Melayu, 3 Februari 1956). Kekalahan pemilihan ini menyebabkan Tengku Ismara Raja dilantik sebagai Presiden KMS yang baharu. Justeru itu, Mohamed Sidik menyatakan kekalahan yang dialami beliau pada pemilihan KMS ini disebabkan terdapat ahli KMS yang menerima sogokan dari Tengku Ismara Raja. Oleh itu beliau sedia berundur dan mencari parti baharu (Utusan Melayu, 3 Februari 1956). Berdasarkan kepada situasi ini, kedudukan KMS menjelang PRU 1959 adalah berdasarkan kepada kepimpinan baharu yang diketuai oleh Presiden Tengku Ismara Raja. Walaupun begitu, kepimpinan baharu KMS ini memperlihatkan dasar persatuan masih lagi meneruskan agenda untuk menjaga kebajikan dan membela bangsa Melayu di Singapura (Utusan Melayu, 3 Februari 1956).

Berdasarkan kepada prinsip tersebut, penglibatan KMS pada PRU 1959 ini memperlihatkan parti ini masih merencanakan strategi untuk bertanding di kerusi majoriti pengundi Melayu, iaitu kerusi Kampong Kembangan. Kerusi ini merupakan kerusi penting pada PRU 1959 dan menjadi signifikan terhadap pengundi Melayu di Singapura. Kerusi ini mempunyai pengundi Melayu paling ramai di Singapura iaitu sebanyak 71.4 peratus, seramai 9,286 orang (Report Election 1959). Oleh itu kerusi ini dianggap penting terhadap politik masyarakat Melayu kerana wakil rakyat yang menang di kerusi ini akan mewakili suara orang Melayu Singapura ke Dewan Perundangan. Keputusan KMS untuk bertanding di kerusi ini memperlihatkan parti itu bersaing dengan UMNO, PAP, SPA, PAP dan Parti Rakyat menjadikan persaingan kepada enam penjuror (Report Election 1959).

Selain itu, PRU 1959 turut memperlihatkan usaha KMS untuk menang lebih banyak kerusi berbanding PRU 1955 kerana parti ini bertanding dua lagi kerusi lain iaitu Changi dan Jurong (Report Election 1959). Walaupun begitu, kedua-dua kerusi ini merupakan kerusi marginal atau kerusi campuran kerana mempunyai nisbah pengundi yang hampir sama. Misalnya di Jurong, nisbah pengundi adalah 43.4 peratus merupakan pengundi Melayu, 39.3 peratus pengundi Cina dan pengundi India berjumlah 16.7 peratus, lain-lain 0.7 peratus (Report Election 1959). Manakala di kerusi Changi, nisbah pengundi adalah pengundi Melayu 36.4 peratus, pengundi Cina 46.3 peratus, pengundi India 16.4 peratus, lain-lain 0.9 peratus (Report Election 1959). Tindakan KMS bertanding di kerusi campuran ini menunjukkan

parti itu berusaha untuk menang melalui sokongan kaum lain. Justeru, PRU 1959 ini menjadi medan untuk KMS menguji penerimaan kaum lain terhadap parti ini.

Pada pilihan raya ini, strategi KMS terhadap calon memperlihatkan parti itu mempertaruhkan calon muka baharu untuk bertanding atas tiket itu. Misalnya calon untuk kerusi Kampong Kembangan, iaitu H. M. Yahya merupakan muka baharu dalam politik Singapura. Begitu juga calon untuk kerusi Jurong, iaitu Aman B. H. Subri dan calon untuk kerusi Changi, Fatimah Nor juga merupakan calon muka baharu dalam politik Singapura (Utusan Melayu, 9 Mei 1959). Calon muka baharu ini memberi kesan terhadap KMS kerana parti itu memerlukan masa yang lama untuk membuktikan kepada pengundi bahawa calon yang dipertaruhkan itu ialah individu yang berkredibiliti dan boleh bekerja untuk rakyat (Utusan Melayu, 9 Mei 1959).

Selain itu, strategi kempen KMS pada PRU 1959 ini turut dilihat masih mengekalkan prinsip menjaga kebajikan masyarakat Melayu walaupun bertanding secara sendiri tanpa gabungan dari parti lain. Pada PRU 1959, KMS berusaha mempraktikkan strategi politik bangsa iaitu perjuangan yang hanya terhad kepada bangsa Melayu (Yee 2020). Berdasarkan kepada strategi ini, isu yang dibawa oleh calon KMS ini tertumpu terhadap perkara yang melibatkan bangsa Melayu iaitu agama Islam dan permasalahan sosioekonomi. Walaupun begitu, perkara ini membezakan KMS dengan parti Melayu yang lain kerana rata-rata parti Melayu tersebut seperti UMNO dan PAS, masing-masing berusaha untuk menonjolkan isu kepentingan kemerdekaan (Yee 2020). Hal ini secara tidak langsung menunjukkan perjuangan KMS masih terbelakang berbanding pesaingnya.

Keputusan PRU 1959 yang diumumkan pada 2.45 pagi, 31 Mei 1959 oleh ELD mengejutkan rakyat di Singapura. Pada pilihan raya ini, PAP berjaya menang 43 dari 51 kerusi yang dipertandingkan, sekali gus menyingkirkan parti pilihan iaitu SPA. Kemenangan PAP pada PRU ini membolehkan Setiausaha Agung PAP, Lee Kuan Yew mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Singapura yang pertama pada 5 Jun 1959 (*The Straits Times*, 6 Jun 1959). Namun begitu, keputusan pada pilihan raya ini memperlihatkan KMS gagal memberi saingan terhadap politik Singapura. Parti itu gagal memenangi sebarang kerusi yang ditandingi, malah dua lagi calonnya untuk kerusi Changi dan Jurong hilang deposit (Report Election 1959). Kekalahan

ini turut menjadi tanda aras bahawa perjuangan yang dibawa oleh KMS tidak relevan dengan politik semasa. Akhbar *The Straits Times* misalnya mengatakan perjuangan KMS telah berakhir kerana parti yang berasaskan kepada kaum tidak mendapat sambutan dalam arena politik Singapura yang memperlihatkan rakyat semakin bersedia untuk menerima politik rentas kaum (*The Straits Times*, 2 Jun 1959).

Walaupun begitu, KMS menyalahkan pentadbiran British atas kekalahan yang dilalui parti itu. Presiden KMS, Tengku Ismara Raja menyatakan persempadanan semula kawasan pilihan raya yang dilakukan pada 1957 menyebabkan pengundi Melayu dipindahkan kepada kerusi-kerusi lain sehingga menyebabkan pertambahan kerusi campuran (*The Straits Times*, 2 Jun 1959). Pada PRU 1959, sebanyak 51 kerusi dipertandingkan dan sebanyak 27 kerusi merupakan kerusi campuran (Report Election 1959). Oleh itu KMS menyatakan untuk bersaing dalam politik Singapura, parti itu perlu mendapatkan sokongan dari pengundi Cina dan India untuk menang (*The Straits Times*, 2 Jun 1959). Perkara ini menyukarkan KMS untuk melakukan sedemikian kerana perjuangan KMS adalah berdasarkan kepada kaum Melayu sahaja. Berdasarkan kepada perkara itu, kekalahan KMS di kerusi Changi disebabkan oleh kegagalan parti itu untuk mendapatkan sokongan dari pengundi Cina dan India. Persaingan di kerusi ini memperlihatkan PAP menerusi calonnya Teo Hock Guan menang dengan majoriti 662 undi. Calon KMS, Fatimah Nor hanya memperoleh 366 undi berbanding pesaing terdekat dari UMNO, Abdul Rahman Said 2,818 undi (Report Election 1959). Jumlah undi yang diperoleh KMS ini menyebabkan mereka hilang wang deposit kerana gagal mendapatkan sekurang-kurangnya 10 peratus sokongan daripada pengundi (Report Election 1959).

Begitu juga dengan persaingan di Jurong, KMS bukan sahaja tewas, malah gagal mendapatkan semula wang deposit. Persaingan di kerusi ini memperlihatkan calon dari PAP, Chor Yeok Eng memenangkannya dengan majoriti 3,177 undi. Calon KMS, Aman Subri sekadar memperoleh 168 undi berbanding SPA memperoleh 1,325 undi dan LSP memperoleh 375 undi (Report Election 1959). Kekalahan pada kerusi campuran ini membuktikan KMS gagal mendapatkan sokongan dari pengundi Cina dan India. Perkara ini berlaku disebabkan oleh perjuangan KMS hanya tertumpu kepada kaum Melayu semata-mata. Segala isu yang dijadikan

kempen pada PRU 1959 seperti isu agama dan ekonomi untuk orang Melayu berjaya menarik pengundi Melayu sahaja untuk memberi sokongan kepada parti itu (*The Straits Times*, 2 Jun 1959).

Kegagalan KMS memberi saingan turut berlaku di kerusi majoriti pengundi Melayu. Misalnya persaingandi Kampung Kembangan memperlihatkan kerusi ini dimenangi oleh UMNO menerusi calonnya Mohd Ali Alwi yang memperoleh 4,443 undi. Calon KMS, Jaafar Ghani hanya memperoleh 215 undi. Jumlah undi yang diperoleh KMS ini merupakan terendah berbanding pesaing yang lain iaitu PAP memperoleh 4,199 undi, SPA memperoleh 2,028 undi, PAS memperoleh 317 undi dan Parti Rakyat memperoleh 231 undi (Report Election 1959). Kegagalan mendapatkan sokongan di kerusi majoriti pengundi Melayu ini membuktikan KMS semakin kehilangan sokongan dari pengundi Melayu itu sendiri, sekali gus menunjukkan perjuangan KMS untuk bangsa Melayu pada PRU 1959 dianggap tidak relevan dalam pentas politik Singapura (*The Straits Times*, 2 Jun 1959).

FAKTOR KEGAGALAN PERJUANGAN KMS DALAM ARENA POLITIK DI SINGAPURA

Keputusan PRU 1959 memperlihatkan bahawa KMS tidak memenangi sebarang kerusi, berbeza dengan pencapaiannya dalam PRU 1955, di mana parti tersebut berjaya memperoleh satu kerusi. Kekalahan pada PRU 1959 ini sekali gus membuktikan KMS gagal mendapatkan sokongan dari masyarakat Melayu. Faktor utama yang menyebabkan KMS gagal bersaing terhadap politik di Singapura ini disebabkan oleh persaingan sengit yang dihadapi oleh parti itu. Politik Singapura pada awal 1950-an memperlihatkan banyak parti baharu ditubuhkan. Antaranya adalah PAP yang ditubuhkan pada 1954 dan LF ditubuhkan pada 1953. Kedua-dua parti ini turut memperjuangkan politik masyarakat Melayu dan membuka keanggotaannya untuk masyarakat Melayu (Lee Kuan Yew 2012). Selain itu, UMNO yang berpangkalan di Tanah Melayu turut berusaha melebarkan sayap di Singapura dengan penubuhan cawangan parti itu di kerusi majoriti pengundi Melayu seperti Kampong Gelam, Geylang dan Kampong Kembangan (Lee Kuan Yew 2012).

Selain itu, isu yang diperjuangkan oleh KMS pada hujung 1950-an dianggap tidak relevan dalam tempoh tersebut. Isu yang menjadi tunjang KMS pada penghujung 1950-an masih lagi melibatkan kepentingan masyarakat Melayu. Dalam masa yang sama, parti lain di Singapura seperti PAP, LF

dan SPA tidak lagi menjadikan isu bangsa sebagai keutamaan perjuangan kerana parti-parti tersebut mula memperjuangkan mengenai kemerdekaan dan penubuhan negara baharu untuk Singapura (*The Straits Times*, 4 Jun 1959). Misalnya PAP menjadikan isu perlembagaan baharu Singapura sebagai perjuangan parti. Manakala SPA pula mengusulkan kepada rakyat untuk memastikan Singapura merdeka dalam tempoh terdekat (*The Straits Times*, 4 Jun 1959). Perkara ini menunjukkan parti politik di Singapura memasuki fasa baharu terhadap aspek perjuangan. Justeru, isu mengenai kemiskinan bangsa dan agama yang diperjuangkan oleh KMS pada hujung 1950-an itu dianggap sebagai ketinggalan (*The Straits Times*, 4 Jun 1959). Selain itu, isu yang dibawa oleh KMS ini turut memperlihatkan budaya perkauman yang dibawa oleh parti itu masih menebal sedangkan politik Singapura dalam tempoh tersebut telah memasuki fasa rentas perkauman kerana setiap parti, terutamanya PAP dan SPA berusaha menonjolkan parti itu bukan untuk satu kaum semata-mata (Lee Kuan Yew 2012). Berdasarkan kepada perkara ini, isu yang diperjuangkan oleh KMS ini dilihat tidak relevan untuk politik Singapura pada hujung 1950-an, sekali gus menyebabkan parti ini gagal memenangi sebarang kerusi pada PRU 1959.

Kegagalan KMS bersaing terhadap politik Singapura ini turut dilihat melalui faktor persaingan sengit dengan parti-parti lain. Pada hujung 1950-an, parti yang berteraskan masyarakat Melayu, terutamanya UMNO mula membuka cawangan di Singapura. Peranan UMNO dalam membela masyarakat Melayu telah terbukti berjaya, terutamanya selepas pasca penubuhan Malayan Union. Selain itu, sokongan masyarakat Melayu terhadap UMNO semakin meningkat setelah parti itu berjaya menubuhkan kerajaan Persekutuan di Tanah Melayu pada 1955 (Tjin 2023). Sehubungan itu, kedatangan UMNO ke Singapura ini menjadi persaingan terhadap KMS kerana rata-rata masyarakat Melayu di Singapura mula memberi sokongan terhadap UMNO. Oleh itu pada PRU 1955, UMNO berjaya menang tiga kerusi berbanding KMS hanya menang satu kerusi. Malah pada PRU 1959, UMNO berjaya menang satu kerusi berbanding KMS gagal menang sebarang kerusi (Report Election 1959). Oleh itu kedatangan UMNO ke Singapura ini secara tidak langsung menokhtahkan perjuangan KMS dalam usaha meraih sokongan masyarakat Melayu di negara ini.

Di samping itu, kegagalan KMS untuk bersaing dalam politik Singapura ini turut melibatkan kegagalan perancangan strategi oleh kepimpinan parti. Kegagalan strategi yang direncanakan oleh KMS secara tidak langsung menggagalkan parti itu untuk bersaing bagi mendapatkan sokongan dari pengundi Melayu Singapura. Pada PRU 1955, KMS berada di landasan yang baik untuk bersaing dalam politik Singapura kerana berjaya mendapatkan kerjasama politik dengan parti lain melalui Parti Buruh Demokratik and Parti Sosialis Singapura (Tjin 2023). Sokongan yang diperoleh KMS pada pilihan raya itu turut melibatkan sokongan dari pengundi kedua-dua parti itu. Keadaan ini membuktikan arena politik Singapura adalah politik yang melibatkan kerjasama dengan parti yang berbeza (Teik 2020). Namun pada PRU 1959, KMS bertanding secara sendirian tanpa kerjasama politik dengan mana-mana pihak. Tindakan yang berlaku ini secara tidak langsung menyebabkan KMS dilihat lemah untuk membawa suara rakyat ke dewan kerana tidak mempunyai asas perjuangan yang kukuh (*The Straits Times*, 4 Jun 1959). Justeru, tindakan KMS bertanding secara sendirian ini secara tidak langsung menamatkan perjuangan politiknya kerana tanpa gabungan dengan parti lain, sokongan yang diperoleh hanya terhad dalam kalangan ahli parti dan pengundi setia sahaja. Oleh itu pada PRU 1959 ini, KMS menjadi antara parti yang memperoleh peratusan undi keseluruhan yang rendah iaitu hanya 0.54 peratus sokongan dari keseluruhan pengundi di Singapura.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, sokongan politik terhadap KMS tidak bertahan dengan tempoh yang lama. Penubuhan persatuan pertama untuk bangsa Melayu ini mula kehilangan sokongan pada 1959, perkara ini menyebabkan KMS gagal bersaing dengan parti lain di negara Singapura. Namun begitu, konsep dan roh perjuangan yang diusahakan oleh KMS ini merupakan perintis terhadap perjuangan parti politik Melayu sama ada di Singapura ataupun Tanah Melayu. Dari SPA kepada PAP, perjuangan untuk bangsa Melayu di Singapura dilakukan berdasarkan kepada panduan dan acuan oleh KMS sejak 1930-an. Pengaruh perjuangan KMS ini bukan hanya di Singapura, tetapi turut melibatkan parti politik lain di Tanah Melayu iaitu dari penubuhan KMM sehingga kepada penubuhan UMNO, konsep perjuangan yang dipraktikkan adalah berasaskan kepada perjuangan

oleh KMS. Walaupun begitu, ‘kekerasan’ perjuangan KMS pada penghujung 1950-an menyebabkan parti ini dilihat tidak relevan kerana isu yang dibawa tidak seiring dengan keadaan politik semasa. Perkara ini secara tidak langsung menyebabkan KMS gagal dalam persaingan politik di Singapura. Perjuangan KMS dalam membela masyarakat Melayu seakan-akan terhenti apabila parti ini gagal didaftarkan semula pada 1961. Namun begitu, perjuangan parti ini dalam membela bangsa Melayu Singapura tetap terpahat dalam sejarah perjuangan masyarakat Melayu, sama ada di Singapura ataupun Malaysia.

RUJUKAN

- Ahamad Jama' Amin Yang, Mohd Samsudin & Izuan Razali. 2016. Pemaknaan Kuasa dalam Kepimpinan Politik Melayu di Malaysia: Suatu Interpretasi Sejarah, *International Journal of the Malay World and Civilisation* 4(3): 65-78.
- Ali, Muhamad. 2015. *Islam and Colonialism: Becoming Modern in Indonesia and Malaysia*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Berita Harian, 30 Mei 1959.
- CO 1030/227. 1955. Singapore Legislative Council elections.
- CO 1030/81. 1956. Singapore: Constitutional Development.
- CO 1071/328. 1946. Singapore: Annual Colonial Reports.
- CO 537/3748. 1948. Malaya: Political developments; Indonesian influence in the Malay Peninsula.
- CO 537/4777. 1948. Anti-British propaganda among Malayan pilgrims in the Hejaz.
- CO 953/10/8. 1951. Social and economic conditions in Singapore: newspaper reports.
- FCO 141/14651. 1953. Singapore: Political Trends in Singapore.
- FCO 141/15107. 1959. Singapore: Malay education Reports and Policy.
- FCO 141/15628. 1949. Singapore political reports.
- FCO 141/15632. 1951. Singapore political reports.
- FCO 141/16667. 1926. Singapore: political development of Malaya.
- FCO 141/16764. 1926. Singapore: political reorganisation of Malaya; miscellaneous papers.
- FCO 24/920.1970. Suppression of Malay language newspapers in Singapore.
- Ishak Saat & Khairi Ariffin. 2022. Kebangkitan Islam di Malaysia Sebelum Kemerdekaan, *International Journal of the Malay World and Civilisation* 10(1): 11-18.
- Muhammad Naim Fakhirin
Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan,
Universiti Sultan Zainal Abidin,
21300 Kuala Terengganu, Terengganu
E-mel: naim_fakhirin@yahoo.com
Pengarang koresponden
- Keng, C.B. 2002. *Malaysia: The Making of a Nation*. Singapore: ISEAS Publishing.
- Koh, S.Y. 2017. *Race, Education, and Citizenship: Mobile Malaysians, British Colonial Legacies and a Culture of Migration*. Singapore: Palgrave MacMillan.
- Lee Kuan Yew. 2012. *The Story of Singapore: Memoirs of Lee Kuan Yew*. Singapore: Marshall Cavendish.
- Muhammad Naim Fakhirin. 2025. Tinjauan Awal Terhadap Tindakan British Dalam Usaha Berkaitan Proses Berkerajaan Sendiri di Singapura, 1948-1959. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities* Volume 22 Issue 2.
- Muhammad Rahimi Hasan. 2020. Emansipasi dan Nasionalisme dalam Politik Wanita Melayu Pra Merdeka: Sorotan Memoir Khatijah Sidek, Aishah Ghani dan Shamsiah Fakeh, *International Journal of the Malay World and Civilisation* 8(1): 17-27.
- Naoki, Soda. 2020. *Conceptualizing the Malay World: Colonialism and Pan-Malay Identity in Malaya*. Tokyo: Kyoto University Press.
- Nazri Muslim. 2014. Institusi Raja-Raja Melayu: Peranannya dalam Memelihara Kedudukan Islam dari Sudut Perlembagaan, *International Journal of the Malay World and Civilisation* 2(2): 121-127.
- Neo, J.L, Swati Jhaveri, S. 2021. *Constitutional Change in Singapore: Reforming the Elected Presidency*. Singapore: Taylor and Francis.
- Reports of Legislative by-election (Cairnhill, 1957). Singapore Election Department.
- Reports of Legislative Election. 1955. Singapore Election Department.
- Reports of Legislative Election. 1959. Singapore Election Department.
- Reports on Education in Straits Settlements and The Federated Malay States, 1870-1939.
- Roff, W.R. 1974. *The Origins of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Setiawan, M.P., Tomsa, D. 2023. *Politics in Contemporary Indonesia: Institutional Change, Policy Challenges and Democratic Decline*. Singapore: Taylor and Francis.
- Tawfic, E.F. 2021. *Panarabism and Arab Nationalism: The Continuing Debate*. Singapore: Taylor and Francis.
- Teik, K.B. 2020. *Malay Politics: Parlous Condition, Continuing Problems*. Singapore: ISEAS Publishing.
- The Straits Times*, 12 Mac 1955.
- The Straits Times*, 19 Mac 1955.
- The Straits Times*, 2 Jun 1959.
- The Straits Times*, 20 Mac 1955.
- The Straits Times*, 4 Jun 1959.
- The Straits Times*, 9 April 1955.
- Tjin, T.P. 2023. *Nationalism and Decolonisation in Singapore: The Malayan Generation, 1953-1963*. Singapore: NUS Press.
- Utusan Melayu*, 3 Februari 1956.
- Utusan Melayu*, 9 Mei 1959.
- Yee, J.J. 2020. *Journey in Blue: A Peek into The Workers' Party of Singapore*. Singapore: WS Publishing.